

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH 15 MAC 2016

8588

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kesudian Kerajaan untuk “*declassify*” dokumen dan perjanjian antara Kerajaan Malaysia, Bangladesh dan syarikat Synerflux Sdn Bhd untuk menguruskan kemasukan 1.5 juta pekerja dari Bangladesh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Memorandum Persefahaman (MoU) G-to-G Plus bagi kemasukan pekerja Bangladesh adalah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Bangladesh tanpa melibatkan lain-lain entiti mahupun pihak ketiga.

Syarikat Synerflux merupakan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk bertindak sebagai pembekal sistem kepada Kerajaan bagi pengurusan kemasukan pekerja Bangladesh secara *online* melalui sistem *Bangladesh Workers Management System (BWMS)*. Pendekatan ini dilihat dapat membantu Kerajaan melaksanakan prosedur pengambilan pekerja Bangladesh secara lebih sistematik, cekap dan terkawal.

Untuk makluman, Kerajaan pada masa ini masih dalam proses perbincangan dengan pihak syarikat untuk memuktamadkan kontrak mengenai perkara ini. Sehubungan itu, penetapan klasifikasi terhadap dokumen tersebut akan dipertimbangkan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.